

Hingga satu cara
benar2 berkesan
dapat diadakan,
kata Dr. Mahathir

210

UJIAN PERLU DITERUSKAN

BH 21 MAY 1975 P

DR. MAHATHIR Mohamad hari ini menegaskan perlunya ujian dan peperiksaan bagi kanak-kanak sekolah yang berjalan sekarang diteruskan.

"Kita terpaksa menggunakan cara-cara ujian dan peperiksaan seperti yang kita jalankan sekarang," tegas Menteri Pelajaran itu.

pelajaran di semua peringkat tanpa ujian sama sekali.

"Tetapi cara ini tentu-lah akan membazirkan wang dan masa yang begitu banyak untuk melatih penuntut-penuntut yang mungkin tiada ada keberkebolehan sama sekali.

"Sebaliknya kalau kita cuba mengadakan ujian pada tiap-tiap tahun, ujian ini cuma bermakna kalau sesiapa yang tidak lulus dapat disekat daripada meneruskan pelajarannya," tegas beliau.

Dr. Mahathir menambah: "Kalau kita berbuat demikian mungkin seba-

bakat atau tidak di dalam apa-apa bidang.

Berminat

"Sebaliknya kalau kita tidak mengadakan ujian sama sekali, kita mungkin akan memberi pelajaran tambahan kepada kanak-kanak itu di dalam bidang yang bukan sahaja ia tidak berminat, malah mungkin juga kanak-kanak itu tidak ada kebolehan.

"Kita terpaksa mengakui bahawa kita semua bukan ada kecekapan dalam semua bidang, ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, dengan ujian yang dijalankan, maka dapat ditentukan secara kasar kebolehan seseorang mu-